



**SOARING  
UPWARDS**  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# KONAKA

## KONFERENSI AKADEMIK

# 2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka



## Persepsi Pelajar UiTM Pahang Terhadap Pendekatan Dakwah Menerusi Lagu-Lagu Berunsur Keagamaan

Normadiana Mohammad Hanapi<sup>1\*</sup>, Mohd Mawardi Mohd Kamal<sup>2</sup>,  
Awang Nasrizal Awg. Ali<sup>3</sup>, Farah Wahida Mohd Latib<sup>4</sup>, Dr. Rohaya Alias<sup>5</sup>,  
Nor Maslina Mohsan<sup>6</sup>

<sup>1,2,4,5,6</sup>Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia.

normadiana@pahang.uitm.edu.my, mawardikamal@pahang.uitm.edu.my, farahwahidaml@pahang.uitm.edu.my  
rohaya\_alias@pahang.uitm.edu.my, maslina252@pahang.uitm.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Sarawak,  
Kampus Samarahan, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

awang295@sarawak.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Secara umumnya, dakwah diertikan sebagai seruan atau ajakan ke arah keinsafan atau mengubah sesuatu keadaan menjadi lebih baik dan sempurna untuk mencapai kesejahteraan seseorang individu mahupun masyarakat setempat. Kini aktiviti penyebaran dakwah tidak hanya terikat kepada para mubaligh masjid tetapi turut dilakukan oleh segenap lapisan masyarakat dan individu yang mempunyai kesedaran terhadap kepentingan dalam menyebarkan pemahaman agama Islam. Selari dengan peredaran zaman, terdapat pelbagai kaedah dalam penyampaian dakwah. Antaranya adalah menerusi lagu-lagu yang berunsurkan keagamaan, di mana ia menjadi medium penyebaran dakwah yang begitu hangat diperkatakan. Sesebuah lirik lagu yang menggunakan bahasa yang mudah difahami dan diamati dalam memuja Kebesaran dan Keagungan Allah SWT mampu menerbitkan keinsafan kepada si pendengar akan Kekuasaan Allah SWT. Satu kajian menerusi temubual telah dijalankan bagi melihat sejauh mana lagu-lagu yang berunsurkan Islam ini dapat memberi kesan kepada masyarakat khususnya pelajar UiTM Pahang. Terdapat banyak genre lagu yang bercirikan Ketuhanan dan di antaranya adalah ‘Pop’, ‘R&B’ (Rhythm & Blues) dan ‘Klasik’. Hasil kajian mendapati rata-rata daripada mereka amat terkesan dengan nyanyian artis-artis popular tanah air yang mula mencipta lagu tentang Kebesaran Allah SWT seperti menerusi lagu ‘Kalah dalam Menang’ nyanyian Mawi dan Shamsul Yusof. Lagu ini menyedarkan kita agar jangan terlalu taksud dengan hal duniawi sehingga lupa tempat kita di alam yang tiada mati lagi kekal abadi.

**Kata Kunci:** Dakwah, Kesedaran, Muzik, Persepsi, Temubual

### 1. Pengenalan

Dilihat dari segi bahasa, kata dakwah berasal dari kata Arab yang merupakan bentuk mashdar dari kata *da'a, yad'u*, yang berarti seruan, ajakan, atau panggilan (Ilyas Ismail, 2006: 144). Dakwah dalam erti kata lain, dakwah bermaksud mendorong, mengundang, menyeru, memanggil, mengajak, dan meminta manusia agar sentiasa mengingati Yang Maha Pencipta iaitu Tuhan yang satu Allah SWT. Di samping itu juga, para ulama turut mendefinisikan dakwah secara terminologi, antaranya menurut Dr. Sayyid Muhammad Wakil (2015), definisi dakwah adalah membimbing umat manusia ke jalan kebenaran dan memerintah mereka untuk beramal makruf dan melarang mereka berbuat munkar. Menurut Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah (2011), dakwah ialah menyeru umat manusia untuk beriman kepada Allah SWT dan apa yang dibawa oleh rasul-rasul Nya dengan meyakini semua yang disampaikan oleh mereka.

Selari dengan peredaran zaman, cara penyampaian dakwah juga harus di pelbagaikan dalam bentuk yang lebih kreatif dan tidak terikat dengan tradisi penyebaran dakwah iaitu hanya melalui ceramah dan forum agama sahaja. Ia bertujuan untuk menarik dan memupuk minat masyarakat umum khususnya generasi muda agar terbuka hati untuk mendekati Allah SWT. (Datuk Aziz Jamaludin Mhd Tahir, 2010). Kepesatan pembangunan teknologi merupakan satu penjurong yang tidak harus dipinggirkan dalam memartabatkan dakwah agar pengajaran dan maklumatnya sampai kepada khalayak dengan cepat, tepat dan berkesan. Kombinasi kedua-dua



elemen iaitu dakwah dan teknologi mewujudkan satu fenomena yang mampu mencetuskan natijah untuk pembangunan jiwa ummah. (Norkumala Awang, 2009). Kehebatan teknologi yang wujud pada era sekarang harus dipandang sebagai satu kelebihan untuk dimanfaatkan bagi mereka yang bergelar teknodaei atau pendakwah pada zaman ICT. (Ruzain Syukur Mansor, 2009).

Namun begitu, dalam membicarakan tentang kecanggihan dan kepesatan teknologi khususnya ICT, ia tidak dapat menjamin bahawa sesuatu dakwah Islam itu dapat difahami dan menembusi ke setiap jiwa manusia. Kefahaman seseorang individu terhadap sesuatu ilmu itu bukan terletak pada kehebatan teknologi tetapi terletak kepada mutu kandungan ilmu tersebut dan juga aspek yang bersifat rohaniah di mana ia dapat memberi kesan yang mendalam kepada umat manusia. Pada zaman global ini, perkembangan teknologi menjadi pemangkin dalam usaha penyebaran dakwah contohnya aplikasi internet, drama, filem dan iklan, animasi, radio, televisyen dan banyak lagi aplikasi terkini yang terlalu mudah untuk dicapai. Muzik dan lagu merupakan bentuk hiburan yang di gemari oleh semua lapisan masyarakat terutama di kalangan generasi muda. Persoalannya, bagaimana untuk menggunakan medium tersebut agar ia berkesan dalam menyampaikan ajaran Islam dan bukanlah sekadar hiburan semata-mata tetapi sebaliknya haruslah mempunyai unsur-unsur dan mesej- mesej yang sesuai dengan realiti dan kehendak sebenar masyarakat Islam.

Masyarakat kita khususnya golongan muda remaja amat terpengaruh dengan apa yang ditayangkan di media massa pada masa sekarang. Justeru, ia adalah satu peluang untuk para pendakwah teknologi menggunakan kepakaran dalam bidang masing-masing, dalam memainkan peranan dan memikul tanggungjawab dakwah. Disinilah pentingnya ruang dan kepakaran itu dimanfaatkan bagi menakluki hati masyarakat agar terpaut dengan ajaran Islam yang sarat dengan nilai murni. Apa yang perlu diharapkan adalah penghasilan drama, filem dan iklan serta lagu memerlukan tenaga tunjang iaitu pengarah, penerbit dan penulis lirik serta komposer yang memahami dan mementingkan aspek ajaran Islam dalam setiap produk mereka. Dari sinilah akan bermulanya pendidikan secara tidak langsung kepada masyarakat yang dahagakan alternatif lain dalam penyebaran dakwah.

## 2. Media Dakwah


Media berasal dari bahasa latin, median, yang merupakan perkataan dari medium secara bahasa yang bermaksud alat perantaraan. Secara spesifik, media adalah alat-alat yang menjelaskan sesuatu atau pengajaran seperti buku, filem, video, dan sebagainya. Beberapa ilmuan berbeza pendapat mengenai definisi media dakwah. Menurut Samsul Munir Amin (2009), media dakwah adalah suatu peralatan yang digunakan untuk menyampaikan isi dakwah kepada si penerima dakwah (konsumen), seperti contohnya majalah, televisen, kaset, dan sebagainya. Menurut Hamzah Ya'cub (2001), media dakwah adalah alat objektif yang menjadi saluran, yang menghubungkan idea dengan umat, suatu elemen yang kuat dan merupakan nadi dalam dakwah. Dari beberapa pendapat para ahli di atas, dapat kita simpulkan bahawa media dakwah adalah medium atau alat untuk mempercepatkan idea-idea dakwah agar dapat difahami dan diterima oleh masyarakat. Mengenai media dakwah, pada zaman dahulu para da'ii sangat menjaga etika dan adab-adab pada saat berdakwah, (Shaikh Mohd Saifuddeen: 2000). Ia menegaskan bahawa media dakwah tidak boleh bertentangan dengan ajaran Al-Quran dan Sunnah dan dakwah tersebut tidak menjurus pada hal-hal yang diharamkan oleh agama tetapi konteks dakwah itu haruslah relevan dengan situasi dan jelas dalam penggunaannya.

Media dakwah dikenali sebagai perantara dan penghubung yang digunakan dalam proses penyampaian erti dakwah kepada masyarakat umum agar mudah diterima, difahami, dan dihayati. (Drs. Samsul Munir Amin, 2009). Dalam konteks ini, media dakwah yang digunakan adalah dari segi lirik-lirik lagu atau lebih dikenali sebagai media audio visual. Media ini menyampaikan maklumat yang dapat menampilkan unsur gambar (visual) dan suara (audio) secara serentak (M. Bahri Ghazali, 1997). Kelebihan dakwah menggunakan media audio visual adalah di samping menarik program dan penyiarannya, ia juga dapat memenuhi citarasa generasi muda yang mana lebih cenderung ke arah muzik dan hiburan.

### 3. Skop kajian

Skop kajian terhadap pendekatan dakwah menerusi lagu-lagu berunsur keagamaan ini adalah daripada kalangan pelajar Uitm Pahang. Seramai 20 orang pelajar, 10 lelaki dan 10 perempuan yang telah ditemubual untuk mengetahui sejauh mana lagu-lagu berunsurkan keTuhanan ini memberi impak dalam jiwa mereka. Dari segi skop lagu-lagu berunsurkan dakwah pula adalah berdasarkan pelbagai jenis genre lagu yang bercirikan Ketuhanan dan di antaranya adalah ‘Pop’, ‘R&B’ (Rhythm & Blues) dan ‘Klasik’. Lagu-lagu ini tidak terhad kepada artis dalam negara sahaja malah bergantung kepada minat responden itu sendiri selagi ia berunsurkan keagamaan dan dakwah.

### 4. Keputusan dan Perbincangan



**Rajah 1.** Peratusan Responden Mengikut Genre Lagu

Berdasarkan hasil temubual ringkas mengenai persepsi responden terhadap pendekatan dakwah menerusi lagu-lagu keagamaan, 100% responden mengatakan ianya memberi kesan yang mendalam dan menerusi lagu-lagu begini membuatkan mereka ingat dan tersedar daripada lamunan duniawi sebagai seorang pelajar dan merasa diri terlalu kerdil kerana mereka begitu leka dalam mengingati kepada Allah S.W.T. 15/20 iaitu 75% responden lebih menyukai lagu-lagu berunsurkan dakwah yang terkini seperti artis luar negara Maher Zain, dan artis dari Indonesia seperti Wali Band dengan lagunya ‘Tobat Maksiat’, kumpulan Ungu dengan lagu yang berjudul ‘Bila Tiba’ dan ‘Andai Ku Tahu’ serta lagu dari penyanyi tempatan menerusi lagu ‘Kalah dalam Menang’ nyanyian Mawi dan Shamsul Yusof.

Hanya 25% (5/20) responden yang menggemari lagu nasyid. Mereka mengatakan lagu-lagu nasyid yang disampaikan oleh kumpulan nasyid yang terdahulu seperti Raihan, Rabbani, Hijjaz dan lain-lain lagi memberi kesan yang sangat mendalam pada jiwa mereka. Ini kerana lagu-lagu yang disampaikan oleh kumpulan nasyid ini mempunyai alunan dan nadanya yang tersendiri sesuai dengan mesej dakwah ke arah Islam yang ingin ditonjolkan. Oleh yang demikian, walaupun setiap responden mempunyai minat yang berbeza dalam lagu-lagu yang mempunyai unsur dakwah ini, kesemua responden mempunyai respon yang sama dari segi keberkesanan dakwah menerusi lagu-lagu keagamaan kerana nilai-nilai yang ada didalam lirik lagu tersebut dan ianya menepati citarasa anak muda sekarang.

### 5. Kesimpulan

Seiring dengan peredaran zaman, kaedah penyebaran dakwah menerusi lagu-lagu keagamaan di anggap satu alternatif yang meninggalkan impak yang besar terhadap semua golongan yang cintakan muzik. Dengan adanya idea yang sebegini, ianya akan sentiasa mengingatkan kita kepada Pencipta dalam apa jua keadaan sekalipun. Kajian ini menunjukkan lagu-lagu yang berunsurkan keTuhanan ini berjaya menembusi jiwa masyarakat khususnya di kalangan generasi muda. Aktiviti penyebaran dakwah melalui lirik lirik lagu yang senang dan

mudah di amati serta di fahami juga dapat memberi kesedaran yang mendalam kepada golongan muda remaja dan sekaligus dapat menghindari mereka dari melakukan perbuatan yang bertentangan dengan agama Islam. Ini juga membuktikan Islam merupakan agama yang tidak sesekali membebaskan umatnya, di mana kita dapat menyebarkan dakwah dalam pelbagai kaedah selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

## 6. Rujukan

- Aziz Jamaludin Mhd Tahir. (2010). *Majalah Dakwah Online*. Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Sayyid Muhammad Wakil. (2015). *Prinsip dan Kod Etika Dakwah*. Akademika Pressindo.
- Samsul Munir Amin. (2009). *Ilmu Dakwah*. Jakarta.
- Hamzah Ya'qub. (2001). *Publisistik Islam Teknik dan Leadership*. Bandung: Diponegoro.
- Ilyas Ismail. (2006). *Paradigma Dakwah Sayyid Quthub: Rekontruksi Pemikiran Dakwah Harakah*. Jakarta: Pena Madani.
- M. Bahri Ghazali. (1997). *Membangun Kerangka Dasar Ilmu Komunikasi Dakwah*.
- Norkumala Awang. (2009). (<http://www.bharian.com.my>) 10 Ogos 2009
- Ruzain Syukur Mansor. *Majalah Millenia Muslim Ogos 2009*.
- Samsul Munir Amin. (2009). *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Amzah
- Shaikh Mohd Saifuddeen. (2000). *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*.
- Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah. (t.t). *Pengantar Ilmu Dakwah*. Jakarta : PT. Raja Grafindo Persada.